BERITA HARIAN

45 murid dijangkiti HFMD, Perak ambil langkah kawalan - EXCO

Ogos 4, 2023 @ 7:16pm



Foto hiasan.

IPOH: Sejumlah 45 murid di beberapa daerah sekitar negeri ini antaranya Kinta Utara, Kinta Selatan, Larut, Matang dan Selama, Muallim dan Kerian dikesan menghidap penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan negeri Khairudin Abu Hanipah berkata sehubungan itu beberapa kelas prasekolah dan sekolah rendah diarah tutup oleh Pejabat Kesihatan Daerah selama 10 hari.

"Murid yang terlibat diberi cuti kuarantin bagi membendung penyakit itu daripada terus merebak," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Pesta Buku Perak 2023 anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri di sebuah pusat beli-belah di sini hari ini.

Bagaimanapun Khairudin berkata, penularan HFMD di negeri ini belum berada pada tahap membimbangkan namun pihak berkaitan mengambil langkah kawalan sewajarnya supaya ia tidak berleluasa.

Dalam perkembangan lain Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak masih menunggu hasil siasatan polis sebelum mengambil tindakan terhadap pelajar sebuah sekolah menengah di Gunung Rapat yang terbabit dalam kes buli, bulan lalu.

Beliau berkata, sekiranya terdapat perkara menyalahi undang-undang dalam kes berkenaan, tindakan berlandaskan prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Pendidikan (KPM) akan diambil terhadap pelajar terbabit.

Katanya, ketika ini kedua-dua mereka termasuk pelajar Tingkatan Tiga yang mengalami kecederaan akibat dibuli dibenarkan bersekolah seperti biasa.

"Kedua-dua pelajar itu boleh hadir ke sekolah seperti biasa bergantung kebenaran ibu bapa masing-masing.

"Pihak sekolah juga mengambil SOP tertentu bagi mengelakkan kejadian buli tidak berulang lagi," katanya.

Pada 26 Julai lalu, dilaporkan pelajar lelaki yang juga atlet sepak takraw dibuli dengan mangsa ditendang dan dipijak oleh seorang pelajar senior.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan dilapor berkata pihaknya menerima laporan daripada ibu mangsa pada 24 Julai lalu dan kes disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan, dengan kertas siasatan akan dilengkapkan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. – BERNAMA